

Ekonomi dipertingkatkan hadapi arus globalisasi

BH-3/6/2007

Pertumbuhan sektor perkhidmatan, pembuatan diutamakan: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan terus berusaha meningkatkan ekonomi negara dalam rantaian nilai lebih tinggi bagi menongkah arus globalisasi semakin mencabar.

Perdana Menteri berkata, usaha itu dijadikan teras pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan pada masa sama pelbagai program dirangka bagi meningkatkan nilai tambah ekonomi, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menjadi tonggak ekonomi negara.

"Kerajaan juga terus giat berusaha meningkatkan pembabitan negara dalam sektor berteknologi tinggi, terutama ICT dan bioteknologi.

"Di samping itu, usaha memupuk transformasi GLC (syarikat berkaitan kerajaan) terus membuahkan hasil," katanya ketika menyebarkan ucapan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang di-Per-tuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada majlis pengurniaan dar-

jah kebesaran, bintang dan pingat Persekutuan 2007, di Istana Negara, semalam.

Abdullah berkata, ekonomi negara berada dalam keadaan amat positif dalam tempoh setahun lalu dengan mencatatkan kadar pertumbuhan sihat iaitu 5.9 peratus pada tahun lalu dan sektor swasta menerajui pertumbuhan itu.

Kerajaan juga meneruskan usaha mengukuhkan kedudukan fiskal negara, dengan defisit bajet kini berada pada tahap 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kadar inflasi dan pengangguran pula terkawal, manakala rizab antarabangsa meningkat kepada RM290.4 bilion pada 31 Disember tahun lalu.

"Lebih membanggakan, keadaan ekonomi pada 2007 dijangka meningkat kepada enam peratus dan akan didasari pertumbuhan dalam semua sektor utama ekonomi, termasuk sektor pembinaan," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan juga giat berusaha meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi, di

samping memupuk minda kelas pertama.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dirangka untuk melonjakkan kualiti sistem pendidikan negara menjelang 2010, adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan tertinggi di rantau ini, katanya.

Kerjasama dengan sektor swasta dalam bidang ini, katanya sedang mula dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha memastikan rakyat berbilang kaum di negara ini dapat menikmati hasil pembangunan negara yang pesat, kerajaan terus memperhebatkan usaha menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif.

Pembangunan masyarakat Bumiputera diteruskan untuk merapatkan jurang pendapatan serta aset dan kekayaan, katanya.

Usaha ini disokong dengan langkah pencegahan jenayah oleh pasukan polis.

Abdullah berkata, pendekatan bagi

mewujudkan koridor pembangunan di seluruh negara seperti Wilayah Pembangunan Iskandar di Selatan Johor, yang sudah dilancarkan dan wilayah pembangunan di Utara dan Timur Semenanjung akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, bertujuan memacu pembangunan di wilayah terbabit agar faedah ekonomi dapat dinikmati seluruh rakyat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia terus bekerjasama pada peringkat antarabangsa termasuk menjadi peneraju utama Forum Ekonomi Islam Dunia, sebagai usaha bagi mengutamakan pembangunan dan kerjasama ekonomi bagi negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Dasar kerjasama pembangunan dengan negara jiran dan negara rakan adalah untuk melindungi kepentingan Malaysia sebagai sebuah ekonomi perdagangan terbuka," katanya.

Sumbangan sektor awam juga semakin mantap berikutan pelancaran RMK-9 yang dijangka akan membawa manfaat berganda untuk seluruh rakyat negara ini. - Bernama